

**Soalan 1: Rumusan**  
[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah meningkatkan minat terhadap pelaburan saham amanah kepada masyarakat dan manfaat-manfaatnya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Penganjuran Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) telah membawa faedah yang amat besar kepada orang ramai dalam memberi kesedaran kepada mereka mengenai kepentingan industri saham amanah dan kepentingannya kepada negara. Selepas kegawatan ekonomi yang menyaksikan saham-saham amanah oleh beberapa buah negara mengalami *kemalapan ketara*, keyakinan pelabur terutamanya kaum bumiputera turut luntur sehingga hari ini. Semangat ini perlu dibangkit kembali oleh pengurus-pengurus dana dengan menyuntik keyakinan baru kepada orang ramai. Dengan adanya keyakinan, masyarakat akan terus melabur walaupun menghadapi masalah kewangan. Masyarakat perlu tahu akan konsep risiko dan pulangan daripada pelaburan yang dibuat. Oleh itu, mereka perlu diberi pendidikan sepenuhnya tentang kegiatan saham amanah.

Para pelabur amanah saham negeri dan yang ditaja oleh beberapa pertubuhan telah membuat aduan mengenai nasib mereka 'yang tidak terbela' setelah membuat pelaburan dalam amanah saham berkenaan. Hal ini termasuklah penerangan yang tidak lengkap sewaktu, bimbingan yang tidak menyeluruh dan pendedahan cara menangani sesuatu risiko. Para pengurus dana terutamanya agen-agen mereka perlu bersikap ikhlas dalam memberi penerangan. Lebih penting lagi, program susulan dengan para pelabur perlu ditingkatkan agar mereka tidak keseorangan dalam menangani sebarang masalah yang dihadapi. Para pengurus dana tidak seharusnya hanya mengejar keuntungan dan komisen semata-mata.

Semasa berkempen pelbagai kata manis diucapkan tetapi selepas melabur dan saham itu pula jatuh tiada apa-apa berita yang diterima. Sebenarnya kaum bumiputera masih lagi lemah dalam urusan pelaburan. Sejak produk-produk pelaburan dilancarkan, penyertaan kaum bumiputera terlalu sedikit bilangannya. Oleh itu, pengurus dana digesa agar memberi penekanan kepada usaha meningkatkan ilmu dan kemahiran pelaburan supaya masyarakat lebih bijak merancang kewangan dan pelaburan mereka. Sesungguhnya industri saham amanah memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi negara, berpotensi untuk lebih maju dan perlu diperluas lagi.

Kita mahu MSAM 2016 yang bertemakan 'merakyatkan pelaburan' diperluas ke peringkat negeri dan daerah supaya kesedaran itu lebih meluas. Bagi memantapkan pemahaman generasi muda tentang saham amanah, murid-murid sekolah harus didedahkan dengan pengetahuan pelaburan. Walaupun usia amanah saham di negara ini sudah dikatakan matang, pengetahuan masyarakat masih belum masak sepenuhnya. Dalam keghairahan pengurus dana menjalankan kempen menarik pelabur, kempen kesedaran juga harus seiring dan dipertingkatkan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Tingkatkan kesedaran pelaburan generasi muda' Oleh  
Zunaidah Zainon, Utusan 30 September 2016.

**Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) - Petikan umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *kemalapan ketara*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa rungutan oleh orang ramai dalam membuat pelaburan.

Apakah rungutan-rungutan tersebut?

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah pelaburan saham amanah masih kurang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat tempatan?

Berikan **tiga** sebab.

[4 markah]

**Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

KHIR GHAZALI : Awal awak balik hari ini? Selalunya lewat petang baru sampai rumah. Ini mesti ada hajat, sebab itulah lepas sekolah terus balik ke rumah.

AIMAN : Mana ada, *daddy*. Kan saya memang suka duduk di rumah. *Daddy* tu yang pelik hari ini. Biasanya, malam baru sampai rumah.

KHIR GHAZALI: Kan *daddy* baru selesai daripada kerja luar. Hari ini *daddy* bercadang nak berehat di rumah. Tak payah nak soroklah, *daddy* tahu ada sesuatu yang Aiman fikirkan. Cakaplah, mana tahu *daddy* dapat bantu.

AIMAN : *Daddy* pasti dapat membantu saya kali ini. Saya yakin *daddy* dapat selesaikan masalah saya. *Daddy*kan selalu menjadi penyelamat saya.

KHIR GHAZALI : Masalah apa? Cuba terangkan satu persatu. Ini tidak, terus yakin. Aiman fikir *daddy* ada kuasa sakti yang sekali sebut terus bertukar menjadi permintaan yang dimahukan. Apa masalahnya?

AIMAN : Sebenarnya nama saya terpilih untuk menyertai PLKN selepas selesai SPM.

KHIR GHAZALI : Baguslah, apa pula masalahnya?

AIMAN : Masalahnya saya tak mahu pergi. Saya nak minta *daddy* tolong dapatkan pengecualian untuk saya. Saya tak sukalah program macam itu!

KHIR GHAZALI : Kalau itu yang Aiman nak *daddy* bantu, *daddy* akan kata tidak. *Daddy* mahu Aiman pergi sertai PLKN itu. Banyak faedah yang akan Aiman dapat. Cubalah berfikir seperti orang dewasa, Aiman bukan budak-budak lagi. Jadilah manusia yang sentiasa dahagakan ilmu dan pengalaman. Jangan hanya pandai meminta daripada berusaha.

Dipetik daripada drama “Berkhidmat Untuk Negara oleh Affix Zulkarnaen Adam dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Apakah alasan yang diberikan oleh Khir Ghazali kepada Aiman tentang kepulangan awalnya ke rumah pada hari itu?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah Aiman tidak berminat untuk mengikuti program PLKN?  
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** nilai kemanusiaan yang terkandung dalam petikan di atas dan **satu** nilai kemanusiaan lain yang terdapat dalam keseluruhan drama.  
[4 markah]

### Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu, Tuan Sidi Arab itu pun menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, "Jikalau sungguh mati Cau Pandan, *sungguhlah Tuan keramat.*"

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada adanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang nyanyi:

Cau Pandan anak Bubunnya,  
Hendak menyerang ke Melaka;  
Ada cincin berisi bunga,  
Bunga berladung si air mata.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

(i) Berikan maksud rangkai kata *sungguhlah tuan keramat*.

[2 markah]

(ii) Bagaimanakah Tuan Sidi Arab berjaya menghalang cau Pandan anak Bubunnya daripada menyerang Melaka?

[3 markah]

(iii) Tuan Sidi Arab amat pakar dalam memanah.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan khidmat pakar dalam sistem pertahanan sesebuah negara?

[3 markah]

**Soalan 2(d) – Puisi Moden**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Kudup Perang**

Sementara dia bergelar panglima  
laskar perang; yang terus-menerus  
membajakan kezaliman – sering  
mengudupkan putik dendam  
kita masih perlu berterima kasih  
kepada jari-jemari takdir  
kerana membenarkan sepasang mata  
untuk berlari dengan tangan bergari  
sempat juga menadah sejambak puisi  
untuk sehari lagi; sambil bertanya:  
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk  
ke luar jendela;sewaktu fajar menghembus  
ringkik kuda, gemerincing  
pedang pusaka  
dan darah yang tiba-tiba membuak  
*di daerah angkara* – perciknya  
menumbuhkan kelopak rahsia  
dalam keliru, tertanya-tanya kita  
tangan mana yang memenggal  
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih  
tidak mahu  
menyanjungnya pendekar paling gagah  
kerana takhta setia terbina  
di istana wangsa  
bukanlah penjamin kukuhnya  
pasak saksama  
sesekali turut direntakan daki pendusta  
melekatlah selumbar sengsara  
di tiang maruah kota.

Andai namamu Jebat, kita masih tidak  
menggelarnya sebagai pengkhianat  
kerana kita masih menangi  
peta keadilan yang tersiat – nun, karam  
di lautan kesumat  
sedang warga memanggilnya keramat.

perang pun melecurkan lidah muslihat  
bercabang lalu bertemu bayu palsu;  
bertiup dan memindahkan kebenaran pada  
tempatny  
mewarnakan keindahan pada hodohnya  
menjungkitkan amarah pada damainya  
teramat lara kita menjahit semula  
perca-perca bahagia – seperti perawan  
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,  
kita masih bertengkar  
tentang siapa  
pahlawan sebenarnya.

Dipetik daripada sajak 'Kudup Perang'  
oleh Tuah Sujana dalam antologi  
*Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *di daerah angkara*.  
[2 markah]
- (ii) Pertikaian dalam mencari pahlawan yang sebenar antara Tuah dengan Jebat tiada kesudahannya.  
Berikan alasan anda jika Jebat dianggap sebagai pahlawan yang sebenar.  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut.  
[4 markah]

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap kata ganda berentak di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*
- (i) olang-aling
  - (ii) awan-gemawan
  - (iii) batu-batan
  - (iv) beli-belah
  - (v) calar-balar
  - (vi) hingar-bingar
- [6 markah]
- (b) *Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.*
- (i) Satu gol dijaringkan oleh Faiz Subri untuk membantu Kedah menewaskan Pahang 2-0 kelmarin.
  - (ii) Sepanjang 30 tahun menjadi warga pendidik, pelbagai anugerah telah diterima oleh beliau.
  - (iii) Siasatan terhadap suspek kes buli telah selesai dijalankan oleh polis.
- [6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan satu kesalahan **penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kegunaan emel akhir-akhir ini banyak memberikan kemudahan untuk dikomunikasi dengan cepat.
- (ii) Puan Habsoh sedang menyiapkan deraf ucapan pengetua yang akan merasmikan majlis anugerah tersebut.
- (iii) Bapa menunggang motosikalnya dengan memakai jeket yang bertempah khas di Korea.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Lain-lain faktor yang menyebabkan dia gagal dalam pertandingan itu adalah perangnya yang suka berlatih pada saat-saat akhir.
- (ii) "Tolong jangan pijak rumput," marah guru itu kepada para pelajarinya.
- (iii) Sejak akhir-akhir ini, kejadian pecah rumah kerap berlaku di kawasan keliling Bertam Indah.

[6 markah]

(e) *Berikan peribahasa yang sama maksud di bawah.*

- (i) Banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam.
- (ii) Dengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan.
- (iii) Seperti api dalam sekam.

[6 markah]



**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut :

- |        |   |
|--------|---|
| (i)    | <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> karya Abdul Latip Talib |
| (ii)   | <i>Di Sebalik Dinara</i> karya Dayang Noor                |
| (iii)  | <i>Jendela Menghadap Jalan</i> karya Ruhaini Matdarin     |
| (iv)   | <i>Pantai Kasih</i> karya Azmah Nordin                    |
| (v)    | <i>Tirani</i> karya Beb Sabariah                          |
| (vi)   | <i>Bimasakti Menari</i> karya Sri Rahayu Mohd Yusop       |
| (vii)  | <i>Songket Berbenang Emas</i> karya Khairuddin Ayib       |
| (viii) | <i>Silir Daksina</i> karya Nizar Parman                   |

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan tema novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan konflik yang terdapat dalam novel tersebut dan cara watak utama menyelesaikannya.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**